



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA DAN KAZAKHSTAN KUKUHKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN DALAM SEKTOR PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 19 SEPTEMBER 2025 – YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Arman Shakkaliyev, Menteri Perdagangan dan Integrasi Republik Kazakhstan pada 17 September 2025. Hadir sama dalam kunjungan ini ialah TYT Bulat Sugurbayev, Duta Besar Republik Kazakhstan ke Malaysia. Kunjungan hormat ini merupakan sebahagian daripada siri lawatan TYT Arman ke Malaysia sempena penyertaan beliau dalam *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) 2025*.

Pada tahun 2024, nilai perdagangan dua hala sektor pertanian antara Malaysia dan Kazakhstan mencecah RM201.42 juta. Daripada jumlah tersebut, eksport Malaysia direkodkan pada RM200.98 juta merangkumi produk utama seperti kopi, koko, teh, rempah ratus serta produk makanan berasaskan pembuatan. Sementara itu, import dari Kazakhstan ke Malaysia terdiri daripada pelbagai produk makanan.

Pertemuan sulung kedua-dua pemimpin ini membuka ruang untuk membincangkan potensi kerjasama dalam bidang agro-makanan serta memperluas kolaborasi dalam teknologi pertanian, termasuk peluang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama antara MARDI dengan institusi penyelidikan di Kazakhstan. Kedua-dua pihak turut melihat potensi besar dalam sektor pengeluaran pertanian melalui pelaburan bersama (*joint investment*) bagi menangani isu sekuriti makanan global.

Malaysia dan Kazakhstan turut menzahirkan komitmen untuk memperkukuh kerjasama strategik dalam sektor pertanian, keterjaminan makanan serta teknologi pertanian moden. Kunjungan ini dijangka dapat meneroka pembukaan akses pasaran bagi produk pertanian Malaysia ke Kazakhstan seperti produk komposit berasaskan susu atau telur serta buah durian.

YB Menteri turut mengambil kesempatan daripada pertemuan ini untuk menjemput TYT Arman dan Kazakhstan untuk Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) 2026 bagi menggalakkan perdagangan dua hala dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

Hadir sama dalam kunjungan ini adalah YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) serta pegawai-pegawai kanan KPKM.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

